

# Najib serah kerusi UMP kepada Zull Hanif hari ini

Utusan  
MALAYSIA



um/10-2-07/saka/Pg.5/Dlm Negeri

Oleh AIZAWATI AHMAD

**KUANTAN** 9 Feb. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka menyerahkan kerusi bermotor ciptaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) kepada kanak-kanak kenit, Muhd. Zull Hanif Abd. Halim, 7, di kediaman beliau di Pekan esok.

Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Mohammad Said Mat Lela berkata, kerusi bermotor itu yang dicipta oleh sekumpulan pakar dari UMP telah siap sepenuhnya dan majlis penyerahan akan disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri (TPM) yang juga Ahli Parlimen Pekan.

"Saya berasa berbesar hati kerana TPM sudi untuk menyerahkan sendiri kerusi tersebut kepada Zull Hanif. Lebih-lebih lagi Pekan merupakan kawasan beliau di mana tempat kanak-kanak kenit ini tinggal," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* sewaktu menerima kunjungan kanak-kanak kenit, Zull Hanif ke UMP di Kampus Gambang, di sini hari ini.

Projek mencipta kerusi bermotor untuk kanak-kanak itu diusahakan atas kerjasama UMP dan *Utusan Malaysia*.

Projek penciptaan kerusi bermotor untuk kanak-kanak kenit itu diusahakan atas kerjasama UMP dan *Utusan Malaysia*.

Mengulas lawatan Zull Hanif ke UMP, Mohamad Said berkata, kunjungan kanak-kanak itu bertujuan melihat kesesuaian kerusi yang dicipta oleh sekumpulan tenaga pengajar UMP yang diketuai oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Madya, Dr. Rosli Abu Bakar.

"Kita mahu melihat sama ada kerusi yang telah siap ini sesuai digunakan oleh Zull Hanif sebelum kita melakukan kerja-kerja akhir," ujarnya.

Katanya lagi, kerusi itu berjaya disiapkan oleh tenaga pengajar UMP dalam tempoh tidak sampai sebulan dan ia adalah hasil usaha keras kakitangan universiti tersebut.

Sementara itu, Dr. Rosli ketika ditemui berkata, penyerahan kerusi itu yang akan digunakan oleh Zull Hanif bagi kemudahannya di sekolah akan dijadikan sebagai satu titik tolak kepada UMP untuk membantu masyarakat yang memerlukan bantuan.

Jelas beliau, walaupun kerusi bermotor itu kelak telah diserahkan kepada Zull Hanif, namun, UMP akan memantau dari semasa ke semasa kerusi berkenaan bagi



**DR. MOHAMMAD** Said Mat Lela bersalaman dengan Muhd. Zull Hanif Ab. Halim yang didukung bapanya Abd. Halim Sulaiman (kanan) sambil diperhatikan Prof. Madya Dr. Rosli Abu Bakar (tengah) semasa melawat dan mencuba kerusi khas untuknya di UMP, Kuantan semalam.

memastikan ia dapat berfungsi dengan sempurna.

"Kita perlu memantau kerusi itu kerana buat masa ini, kadar kelajuan untuk naik turun kerusi tersebut kami letakkan di tahap paling minimum bagi memastikan Zull Hanif menyesuaikan dirinya terlebih dahulu.

"Nanti apabila dia telah mahir menggunakan kerusi itu, kita akan meningkatkan kelajuannya," tambahnya.

Idea kreatif itu tercetus apabila Dr. Mohammad Said membaca laporan berita yang disiarkan *Utusan Malaysia* pada 4 Januari lalu mengenai kanak-kanak tersebut yang memulakan alam persekolahan darjah satu di Sekolah

Kebangsaan Sinar Mutiara, Sungai Miang, Pekan.

Zull Hanif hanya setinggi 72 sentimeter atau kira-kira 2 kaki 6 inci dengan berat badan 7.5 kilogram (kg).

Kerusi yang menggunakan teknologi bermotor itu berupaya bergerak ke atas dan ke bawah bagi memudahkan kanak-kanak kerdil tersebut berada sama paras dengan ketinggian meja di kelasnya.

Bagi memastikan kerusi istimewa itu 'mesra pengguna', ia juga boleh digerakkan ke hadapan dan ke belakang agar kedudukan Zull Haniff dengan meja berkenaan dapat diselaraskan.